

KELICAP JANTUNG
Little Spiderhunter

FAMILI: Nectariniidae
NAMA SAINTIFIK: *Arachnothera
crassirostris*



CIRI-CIRI

Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai bahagian paruh yang panjang serta melengkung ke bawah manakala bahagian kepala pula berwarna kelabu di mana garisan pada bahagian paruh ke bahagian mata berwarna putih. Panjang keseluruhan individu dewasa adalah 16.0-16.5 sm. Berat 17-19 g.

MAKANAN

Serangga-serangga kecil, labah-labah dan nektar.

HABITAT

Hutan dipterokap, hutan sekunder, di pinggir kawasan hutan serta di kawasan semak dan belukar, pada ketinggian sehingga ke 1,670 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan fasa bunyi tunggal yang panjang dan berulang-ulang *wit-wit-wit-wit-wit-wit*. Ini termasuklah bunyi *itch* atau bunyi *chit* yang tajam dan tinggi.

PEMBIAKAN

Musim membiak adalah pada bulan Disember hingga Oktober di mana sarang dibina di sebalik bahagian daun pokok dalam struktur yang memanjang serta terdapat ruang seperti pintu untuk masuk ke bahagian dalam. Spesies ini menghasilkan telur sebanyak 2-3 biji berwarna putih ke merah jambu serta terdapat bintik-bintik tang berwarna kuning langsung kemerahan ke coklat kemerahan serta berukuran kira-kira 18.4 X 13.1 mm.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara.